

Semangat Melayu tidak luntur

personaliti

14 Nov. - Meskipun lebih suku abad meninggalkan negara ini untuk berhijrah ke Australia, tetapi bagi Mohd. Yusoff Abdul Kadir, 61, semangat Melayu dan perasaan cinta terhadap tanah tumpah darahnya tidak pernah pudar dan luntur.

Beliau yang berasal dari Taiping, Perak mula berhijrah ke negara, itu pada tahun 1979 dan kini menetap di Perth.

Walaupun sudah lama menetap di luar negara, beliau tidak pernah mengabaikan budaya dan adat resam Melayu, biarpun dikelilingi oleh budaya asing.

Mohd. Yusoff yang merupakan ahli Jawatankuasa Kelab UMNO Luar Negara cawangan Perth, ber-

pendapat perpaduan Melayu merupakan perkara yang amat penting dalam menentukan hala tuju bangsa Melayu menjadi bangsa yang maju setaraf dengan bangsa-bangsa lain yang sudah maju.

"Dari pengalaman saya hidup di negara orang, perpaduan adalah asas bagi mengekalkan sesuatu budaya dan cara hidup.

"Ini kerana, ketika saya mula-mula tiba di negara itu, tidak ramai orang Melayu yang tinggal di sana.

"Oleh kerana adanya semangat dan perpaduan di kalangan orang Melayu di sana, syukur Alhamdulillah kehidupan orang Melayu di Australia semakin kukuh, terutamanya dari segi jati diri mereka," katanya kepada Utusan Malaysia, di sini hari ini.

Ketika ditanya sebab-sebab beliau berhijrah ke Australia, Mohd Yusoff yang kini menjadi warga-negara Australia berkata, beliau berpindah ke sana untuk mencari peluang meningkatkan pendapa-

tan bagi menyara keluarganya.

Semasa tiba di negara itu 27 tahun lalu, saya bekerja di sebuah kilang memproses daging halal milik kerajaan Australia," katanya.

Mohd. Yusoff berada di sini untuk menghadiri Perhimpunan Agung UMNO sebagai pemerhati.

Beliau yang mempunyai tiga orang anak amat mengambil berat tentang pendidikan mereka, yang kini kesemuanya telah dewasa dan berjaya menjawat jawatan profesional.

Beliau yang pernah bekerja di Pejabat Menteri Besar Perak berharap perjuangan orang Melayu untuk menjadi bangsa yang maju perlu dijadikan pegangan di kalangan setiap orang khususnya generasi muda.

Mohd. Yusoff yang sudah bersara juga menggesa orang Melayu khususnya ahli UMNO menghayati perjuangan dengan melaksanakannya secara berterusan, tidak terbatas mengikut waktu dan keadaan sahaja.